

REF: PT3ASC/HR/012/2023
DATE: 10 Ogos 2023



PENGARAH
POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYIAH
Kulim Hi-Tech Park,
09000 Kulim Kedah.

Tuan,

**PERMOHONAN HEBAHAN PROGRAM LATIHAN INDUSTRI KHAS KEPADA PELAJAR POLITEKNIK
DALAM BIDANG PEMASANGAN KOMPONEN AERO ANGKASA**

Dengan segala hormatnya kami merujuk perkara di atas.

- Untuk makluman pihak tuan, PT3 Aeroskills Centre (PT3) merupakan sebuah pusat '*Industry Centre of Excellence*' yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sebagai sebuah pusat Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dengan kerjasama strategik syarikat CTRM Aero Composite Sdn. Bhd. (CTRM).
- Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin membuat permohonan dengan pihak tuan untuk hebahan program kepada para pelajar yang akan menjalani Latihan Industri pada 22 Ogos 2023 hingga 6 Januari 2023 ini. Pihak kami ingin menawarkan Program Latihan Industri Khas kepada para pelajar politeknik yang berminat untuk berkerjaya dalam bidang Aero Angkasa di CTRM. Program ini terbuka kepada para pelajar yang akan menjalani Latihan Industri dalam bidang teknikal, kejuruteraan dan pembuatan (MQA).
- Untuk makluman tuan, CTRM merupakan syarikat pembuatan komponen pesawat dibawah DRB HICOM, bertempat di Batu Berendam, Melaka. Program Latihan Industri Khas ini adalah program '*Reskilling & Upskilling*' dimana ianya meningkatkan kebolehpasaran pelajar dalam mana-mana bidang teknikal, untuk berkerja di dalam bidang berteknologi tinggi pembuatan Aero Angkasa dan membuka laluan kerjaya sebagai Specialist. Melalui program ini, para pelajar akan dibimbing dan dinilai untuk melayakkan mereka dianugerahkan Sijil *Micro-credential Competency Unit* oleh JPK.
- Pihak kami amatlah berharap agar program ini dapat berlangsung dengan lancar dalam usaha membantu lebih ramai anak muda melonjakkan taraf sosioekonomi dan mendapatkan pekerjaan secara tetap. Pihak kami juga percaya program yang ditawarkan memenuhi aspirasi dan bermanfaat kepada para pelajar yang berminat dan ingin bekerja secara khusus dalam industri Aero Angkasa. Jika pihak tuan mempunyai pelajar yang berminat dan sebarang pertanyaan atau pembentangan berkenaan program, bolehlah hubungi pihak kami di talian +6017-4100661

PT3 Consultant Sdn Bhd (1237371-P)
No. 104 & 104-1, Jalan KU3, Taman Krubong Utama, 75260, Melaka

Tel No: +6017-4100661 | Email: hello@pt3consultant.com | Website: www.pt3consultant.com


(Encik Abdul Malek) ataupun emel kepada pt3aeroskillscentre@gmail.com.

Segala kerjasama daripada pihak tuan amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

PT3 CONSULTANT SDN BHD



.....
ABD MALEK BIN ABDUL@ABD AZIZ
Specialist

PT3 Consultant Sdn Bhd (1237371-P)

No. 104 & 104-1, Jalan KU3, Taman Krubong Utama, 75260, Melaka

Tel No: +6017-4100661 | Email: hello@pt3consultant.com | Website: www.pt3consultant.com